

MEMO KETUA PUSTAKAWAN BIL. 1/2026

Ketua Bahagian/Cabang/Unit
Pustakawan & Kakitangan
Perpustakaan UKM

Tuan/Puan,

PENSTRUKTURAN DAN PENAMAAN SEMULA BAHAGIAN/CABANG/UNIT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Perpustakaan Bil. 1/2026 pada 16 Januari 2026 telah bersetuju penstrukturan dan penamaan semula bahagian/cabang/unit berkuat kuasa pada 1 Februari 2026. Penstrukturan dan penamaan semula adalah seperti berikut:

- i. Pemansuhan nama Unit Multimedia dan penjenamaan semula Unit Pemeliharaan dan Pendigitalan kepada Unit Pemeliharaan dan Pendigitalan. Fungsi Unit Multimedia diambil alih oleh unit lain seperti berikut:
 - a. Unit Perkhidmatan Pelanggan: perkhidmatan kaunter, pengurusan tempahan ruang dan pengurusan koleksi fizikal;
 - b. Unit Pemeliharaan dan Pendigitalan: penyelenggaraan bahan, pelupusan bahan dan peralatan;
 - c. Unit Komunikasi Korporat: perkhidmatan jurufoto/juruvideo dan pengurusan peralatan audiovisual;
 - d. Unit Pengindeksan: pengindeksan koleksi gambar/video
- ii. Penamaan semula Bahagian Pentadbiran dan Perancangan kepada Bahagian Korporat dan Perancangan. Fungsi bahagian tersebut adalah meliputi Unit Komunikasi Korporat, Unit Penjanaan Kewangan serta Unit Kualiti dan Perancangan Strategik.
- iii. Unit Pentadbiran di bawah tanggungjawab Ketua Pentadbiran.
- iv. Penamaan semula nama Perpustakaan Hospital Pakar Kanak-Kanak kepada Perpustakaan Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM (Perpustakaan Hospital TABTAR) selaras dengan pemasyhuran nama hospital pakar kanak-kanak berkenaan.


Saya berharap dengan perubahan ini, perpustakaan akan memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang dan berkesan, sekali gus memenuhi keperluan serta kehendak pelanggan.

5. Bersama-sama ini disampaikan Carta Organisasi Perpustakaan UKM untuk makluman dan perhatian tuan/puan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"Perpustakaan Pemangkin Masyarakat Berilmu"

Yang benar,



HAZMIR HJ. ZAINAL
Ketua Pustakawan



PERPUSTAKAAN UKM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4134/5031 E-mel: kpustaka@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pts/